

# ABIM: PEN JELASAN MAHATHIR

**K**UALA LUMPUR 22 Oktober — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan bahawa larangan yang dikenakan ke atas ABIM mengenai hubungan luarnya adalah peraturan biasa yang meliputi semua pertubuhan lain yang berdaftar.

Beliau menegaskan, badan-badan tempatan bukannya tidak boleh mengadakan hubungan luar, tetapi mereka terlebih dahulu diwajibkan memperoleh kebenaran dari pihak Pendaftar Pertubuhan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, arahan ke atas ABIM terpaksa dikeluarkan kerana ia tidak mendapatkan kebenaran sebelum mengadakan hubungan dengan pihak-pihak asing dari negara luar.

Datuk Sri Dr. Mahathir membuat penjelasan ini bila diminta mengulas arahan yang dikeluarkan kepada Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) oleh Pendaftar Pertubuhan supaya ia memutuskan perhubungan dan pergabungannya dengan pertubuhan-pertubuhan luar negeri.

Beliau menarik perhatian, kegagalan mendapatkan kebenaran itu adalah satu kesalahan dari segi peraturan pendaftaran pertubuhan.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan kursus penerangan perlembagaan dan pentadbiran UMNO 1980 di sini hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, tindakan tersebut tidak bermakna kerajaan hendak menekan ABIM.

Mengenai mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN yang dijadualkan berlangsung di Bangkok esok, Datuk Sri Dr. Mahathir yang akan mengetuai delegasi Malaysia berkata, mesyuarat tersebut hanyalah bagi "merestui" beberapa projek yang dicadangkan di mesyuarat Bali tidak berapa lama dulu.

Katanya, di antara perkara yang akan direstui itu ialah pembinaan kilang baja urea ASEAN di Indonesia dan Thai-

land dan projek lada hitam di Philipina.

"Projek enjin diesel yang dicadangkan di Singapura mungkin dibatalkan dalam mesyuarat Bangkok esok kerana ia tidak menjimatkan," jelasnya.

Beliau menerangkan, faktor utama yang menyebabkan pembatalan projek itu ialah mengenai jenis enjin diesel yang akan digunakan itu mempunyai kuasa kuda yang lebih besar sedangkan enjin yang lebih kecil adalah lebih positif.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, semasa berada di Bangkok nanti beliau berharap dapat menemui Perdana Menteri Thailand untuk bertukar-tukar fikiran.

Ditanya mengenai penghormatan terhadap Malaysia kerana diundang untuk menyertai suruhanjaya pendamai perang Iraq-Iran, Timbalan Perdana Menteri mengharap usaha itu akan menghasilkan kejayaan kerana sikap Malaysia yang berkecuali.

Terdahulu dari itu telah diucapkan perasmian kursus penerangan perlembagaan dan pentadbiran UMNO 1980, Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan para pemimpin parti di peringkat negeri, bahagian dan cawangan supaya mengetahui dengan mendalam tentang perlembagaan UMNO.

Katanya, UMNO akan mengadakan pilihanraya pada tahun hadapan dan adalah wajar bagi semua ketua-ketua bahagian dan cawangan UMNO mengetahui dengan jelas perlembagaan parti supaya tidak timbul lagi sungutan mengenai "beli undi" dan sebagainya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Timbalan Presiden UMNO Malaysia, UMNO mempunyai perlembagaan yang kukuh dan dihormati sebagai sebuah parti nasional.

Beliau mengingatkan para peserta kursus yang

dihadiri oleh ahli-ahli dari 29 bahagian UMNO bahawa sebarang masalah parti tidak boleh dibawa ke mahkamah, sebaliknya ia hendaklah dirujuk kepada Majlis Tertinggi UMNO.

"Jika ada kekeliruan yang timbul terbit dari perlembagaan UMNO, akibat dari salah tafsir atau sebagainya, jangan dibetulkan sendiri. Ia hendaklah dibawa ke Majlis Tertinggi atau di mesyuarat agung tahunan," jelasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan para ahli UMNO supaya mengambil iktibar dari kursus itu, untuk lebih memahami, tentang perjuangan asas parti demi kebaikan bangsa Melayu di masa akan datang.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mustaffa Jabar dalam ucapan alu-aluannya memberitahu, enam orang perwakilan dari tiap-tiap 29 UMNO bahagian di seluruh negara diundang menyertai kursus itu.